

**KHUTBAH JUMAAT NLP KHAS  
SEMPENA HARI ULANGTAHUN KAGAT KE-39  
MASJID DAN SURAU JUMAAT ATM**

1

2 الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْعَمَنَا بِنِعْمَةِ الْإِيمَانِ وَالْإِسْلَامِ, أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ... وَأَشْهَدُ أَنَّ

3 سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ سَيِّدُ الْخَلَائِقِ وَالْبَشَرِ. وَنُصَلِّي وَنُصَلِّمُ عَلَى خَيْرِ الْأَنْبَاءِ مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ

أَجْمَعِينَ. أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ, قَدْ أَوْصَيْكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ كَمَا قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ

ءَامَنُوا اصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٢٠٠﴾

Sidang Jumaat Para Kekasih Allahu Jalla Jalaaluh... bertakwalah sekalian kita kepada

Allah yang Maha Agung **persis** yang disaran dalam ayat yang saya bacakan tadi 4

bermaksud, *“Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu dan kuatkanlah*

*kesabaran kamu lebih daripada kesabaran musuh di medan perjuangan), dan*

*bersedialah di perbatasan serta bertaqwalah kamu kepada Allah supaya, kamu mencapai*

*kemenangan.”* (Surah Ali-Imran: 200)

**Aidilfitri** baru berlalu, kita sempat bermaaf dan bersalaman, berpelukan tanda 5

mungkin masih ada yang sayang, namun adakah sayang itu hanya akan berakhir di dunia sedangkan kita yakin dan pasti bahawa dunia ini hanyalah persinggahan sementara.

Tidakkah kita ingin bersama ibu ayah, juga adik beradik serahim untuk bersama di akhirat

dalam syurga yang kekal abadi...? Tinggalkan persoalan itu untuk kita fikir-fikirkan

kemudian nanti, namun ada suatu persoalan lain...

**Kita** ada 16 adik beradik dalam dalam suatu gugusan Tentera Darat, Rejimen 6

Askar Melayu Diraja (RAMD) abang sulong, Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT)

adalah si bongsonya. Kita ada adik beradik berlainan bapa, ada anggota Tentera Laut

Diraja Malaysia (TLDM) dan juga Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan semuanya

ini suatu gagasan besar Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Laksana adik beradik dalam sebuah keluarga, setiap dari kita ada visi dan misi untuk berjaya maka begitulah dalam berorganisasi dan ia termaktub secara simboliknya dalam cogan kata yang selalu kita ulang-ulanginya sentiasa. **Angkatan** Tentera Malaysia – Sentiasa Bersepadu, Tentera Darat Malaysia – “Gagah Setia”, Tentera Laut Diraja Malaysia – “Sedia Berkorban”, Tentera Udara Diraja Malaysia – “Sentiasa Di Angkasa Raya”, begitu juga slogan “Taat Setia” bagi RAMD, “Agi Hidup Agi Ngelaban”, “Setia Waspada”, “Bersatu”, “Pantas dan Pasti”, “Berusaha Berfaedah”, “Tangkas, Tegas, Saksama”, “Sedia Berkhidmat”, “Pintar dan Cergas”, “Bertukang Berjuang”, “Berbakti”, “Berkhidmat Kepada Semua”, “Berkhidmat Membantu”, “Khidmat Diutamakan” dan diakhiri dengan “Berjuang Berakhlak” kepunyaan warga Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT). **Kesemuanya** itu adalah kalimah-kalimah yang baik dan sungguh bermakna, malah mari kita sama berdoa dan berusaha agar semua cogan kata itu bertepatan dengan Kalam Allah di dalam surah Ibrahim ayat ke 24 yang berbunyi:

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ ﴿٢٤﴾

Maksudnya, *“Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, iaitu: kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh dan cabang pucuknya menjulang ke langit.”* (Surah Ibrahim: 24)

Semoga ia berbetulan di dunia bahkan nanti tetap benar di akhirat dan ia nanti bergantung kepada doa beserta harapan, usaha bersaling tawakal setiap orang dari kita semua.

Sidang Jumaat dan Warga ATM, Darat, Laut juga Udara...

Sadari atau tidak masa sentiasa bergerak dan berlalu dalam kehidupan kita. 9

Adik bongsu kalian yang dinamakan KAGAT telah pun mencecah usianya 39 tahun, tepat pada 16 April yang lalu, setahun lagi akan menempuh usia kedewasaan dan kematangan. Terima kasih ATM, terima kasih Darat, Laut dan Udara, terima kasih jua adik beradik serahim yang 15 kor yang menjadi abang yang menunjuk ajar dan membimbing kami mengenal erti persaudaraan dan persahabatan, bersama memacu diri kami warga KAGAT di awal mula 1985, 39 tahun nan lampau, mentatih melatih kami melangkah sehingga kami seperti seadanya kami hari ini. Maka sudah semestinya kami meyakini bahawa orang-orang tua (para pemuka terdahulu dari kita) dalam perkhidmatan ini telah menunjukkan jalan yang terbaik buat kita dan semua itu kita harapkan ia termasuk dalam janji Rasulullah SAW mendapat pahala ikutan baik tunjuk ajar baik yang mereka tinggalkan. **Sabda** Baginda Rasul SAW berbunyi:

10

مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً، فَلَهُ أَجْرُهَا، وَأَجْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ، مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَجْرِهِمْ شَيْءٌ

Maksudnya, *“Barangsiapa yang membuat sunnah hasanah dalam Islam maka dia akan memperoleh pahala dan pahala orang yang mengikutinya, dengan tanpa mengurangi pahala mereka sedikit pun...”* (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Teman-teman dan Sahabat-sahabat seperjuangan...

**Sebagaimana** ibu ayah membesar dan mendidik kita dengan penuh kasih sayang, 11 adil lagi saksama, namun peluang serta qada' dan qadar Allahu Taala yang menentukan masa depan kita. Tidak semua anak akan menjadi sepertimana yang dihasratkan oleh ibubapa. Ada yang menjadi arkitek, engineer, peguam, polis, guru atau sebagainya,

maka begitulah kita dalam organisasi ini, tidak semua jadi Tentera Darat, ada yang menjadi Tentera Laut dan sebagainya tapi adik bongsu dalam Tentera Darat memilih menjadi KAGAT. **Kesemua** yang kami ungkitkan ini amat bertepatan dengan firman Allah

12

SWT di dalam al-Quran:

﴿وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ﴾

Maksudnya, “Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya

13

(pergi berperang), oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka, mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).” (Surah at-Taubah: 122)

Sahabat-sahabat dan teman-teman yang berada dalam satu kelongsong yang sama...

**Kita** berada dalam kepompong yang sama, wadah (bekas) kita berbeza namun

14

natijah kemahuan kita adalah sama, iaitu untuk menjadi Benteng Pertahanan Negara yang menggendong misi Melindungi Kedaulatan, Keselamatan dan Kemakmuran Negara yang tercinta ini. Demi 3 kemaslahatan utama itu, kepimpinan negara telah mencitrakan penubuhan KAGAT bertepatan dengan perintah Allahu Taala di dalam surah at-Taubah ayat 122 yang dibacakan tadi. **Fungsinya** untuk apa...kata Allahu Taala, لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ

15

, وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ , maksud yang mudah untuk difahami adalah, “biar ada satu ketumbukan yang mendalami dan memahami agama (KAGAT) dan tujuannya adalah untuk memberi peringatan (tazkirah) pada yang lain (semua warga ATM) agar biar sentiasa berbetulan dengan kehendak dan ketetapan Allah SWT dan

ajaran serta sunnah Rasul-Nya Nabi kita Muhammad SAW. **Dari** ketentuan dan 16  
ketetapan inilah kami meminjam dengan menjadikan ia misi kor kami iaitu untuk  
“Meningkatkan Tahap Kesiagaan Kerohanian ATM Melalui Pendidikan Islam Dan  
Perkhidmatan Keagamaan”, maka “Bermula Di Sini” kita bergerak bersama beriringan  
bukan kerana kami baik atau sempurna akan tetapi adalah kerana “The Ultimate Gold”  
matlamat dan sasaran utama kita adalah sama iaitu ingin kembali semula ke kampung  
halaman kita yang asal, tempat nenenda (datuk dan nenek kita – Nabi Adam dan Ibu  
hawa) bercanda dan bermesra di Syurga. **Maka** biarlah kita semua termotivasi dengan 17  
firman Allah SWT:

﴿ وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴾

Maksudnya, “Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik  
untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) Syurga yang bidangnya  
seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertaqwa.” (Surah  
Ali-Imran: 133)

**Oleh** itu sekalian sahabat-sahabat syurga, di khutbah Hari Ulangtahun KAGAT Ke- 18  
39 ini, yang kami tujukan ia dengan “Bermula di Sini” iaitu dengan maksud bermula di  
dunia ini, dengan usia ini, dalam perkhidmatan ATM ini, dengan kesempatan masih di  
sini, supaya “Berakhir Di Sana” dengan hasanah (Kebaikan). Untuk itu kami  
mengunjurkan tausiyah agar;

**Pertamanya**, Teruslah bekerja dengan penuh keikhlasan, kesungguhan, ketekunan dan 19  
kedisiplinan tanpa cuai, ceroi dan cincai-cincai, kerana dibimbangi rugi atas penat dan  
lelah sedangkan di sisi Allahu Taala tiada berpahala. Rasulullah SAW bersabda yang  
bermaksud, “Barangsiapa mencari rezeki halal untuk menjaga diri dari meminta-minta,

dan dengan tujuan memenuhi nafkah keluarga, serta supaya dapat membantu tetangganya, nescaya dia akan datang pada hari Kiamat dengan wajahnya yang berseri-seri seperti bulan di malam purnama.” (Hadis Riwayat Imam al-Baihaqi dan Imam al-Tabarani)

Adapun yang **Kedua** adalah seruan untuk bekerja dan beramal dengan penuh rasa Ihsan serta nilai Integriti kerana Allah Taala itu Maha Melihat. Maksud firman Allah Taala, “Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.” (Surah at-Taubah: 105)

بَارِكِ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.. وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ .. وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ... أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ... وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ... فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.